

**ANALISA KE ATAS AMALAN KHURAFAT, SYIRIK DAN AZIMAT
DI KAMPUNG BANJAR, MUKIM DURIAN SEBATANG,
TELUK INTAN, PERAK**

**ISHAK BIN AHMAD
CHE ZAM BINTI ZAINOL
ESMAHAN BINTI ABDUL RAHIM
NORHAYATI BINTI ISMAIL**

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK**

MEI 2001

PENGHARGAAN

Bismillah-hir-Rahman-nir-Rahim

Kami panjatkan kesyukuran Allah Azawajalla kerana dengan limpah kurnia dan keizinNya juga kami berupaya meyempurnakan kajian ini walaupun dalam serba kepayahan dan kesusahan yang amat perit semata-mata untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi MARA.

Sehubungan dengan itu, sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas untuk pensyarah kami, Prof. Madya En. Mohd Fauzi bin Mohd Harun, S.Econ (UKM) yang banyak memberikan dorongan, nasihat, tunjuk ajar dan pandangan bagi menyiapkan projek ini.

Begitu juga kepada Ketua Kampung Banjar, Setiausaha JKKK Kampung Banjar Teluk Intan, Penghulu Mukim Durian Sebatang, Pejabat Daerah Hilir Perak, Pejabat Agama Islam Negeri Perak, Pejabat Penerangan Daerah Hilir Perak dan Pejabat Agama Islam Hilir Perak kerana telah sudi menghulurkan sokongan dan kerjasama yang erat terutama dalam memberi kebenaran kepada kami untuk merujuk maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini.

Kami juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Haji Husain bin Yadin, PJK, Ketua Kampung Banjar, Mukim Durian Sebatang di atas sumbangan maklumat yang diberikan.

SINOPSIS

Kepercayaan yang baik, landasan pokok bagi masyarakat Islam. Tauhid inti daripada kepercayaan tersebut dan jiwa daripada Islam secara keseluruhannya. Oleh kerana itu melindungi kepercayaan dan tauhid, adalah yang pertama dilakukan oleh Islam dalam perundangan mahupun dakwahnya. Begitu juga membentekan kepercayaan jahilliah yang dikumandangkan oleh polytheisme yang sesat itu, suatu perintah yang harus dikerjakan demi membersihkan masyarakat Islam dari perbuatan khurafat, syirik dan kesesatan. Walaupun orang Melayu bertambah maju dan gaya hidup golongan tinggi dan pertengahan mereka macam bangsa-bangsa yang telah maju beratus-ratus tahun, tetapi kepercayaan dan pegangan agama mereka adalah sebaliknya. Ramai orang Melayu percaya kepada karut marut atau khurafat macam etnik-ethnik primitif di Afrika. Kajian ini amat perlu supaya masyarakat Melayu umumnya akan menyedari serta memberi satu panduan kepada mereka supaya dapat membezakan antara yang haq dan batil. Setelah mendapat penerangan yang lengkap senanglah untuk mengambil langkah terbaik untuk membasmikannya.

KANDUNGAN

	Halaman
Halaman Judul	I
Pengakuan	II
Penghargaan	III
Sinopsis (Bahasa Melayu)	V
Sinopsis (Bahasa Inggeris)	VI
Kandungan	VII
Senarai Jadual	XII
Senarai Peta	XIII
Senarai Singkatan	XIV
Senarai Lampiran	XV

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah

Ugama dan Aqidah adalah sesuatu yang aneh di dalam dunia dan sukar untuk dimengertikan kerananya manusia sanggup bermusuhan, berperang dan mati. Walaupun sesuatu awidah itu buruk dan hina pada pandangan sesuatu golongan tertentu tetapi bagi orang-orang yang menganutinya itulah yang paling indah dan mulia hidupnya.

Amalan khurafat, syirik dan azimat adalah merupakan satu penyakit yang merosakkan kebenaran syariat Islam. Perkara-perkara sedemikian adalah dengan sengaja direka oleh manusia untuk kepentingan dan tujuan-tujuan tertentu. Oleh itu, sesungguhnya kesedaran perlulah diberikan kepada mereka supaya selamat daripada dilaknat oleh Allah s.w.t. Berikut itu, satu tinjauan mengenai perkara-perkara ini patutlah dibuat dan diketengahkan supaya orang ramai dapat mengambil iktibar dan pengajaran supaya mereka kembali semula kejalan kebenaran.

Mungkin kita kehairanan apabila melihat kalangan orang-orang Hindu merenjiskan air kencing lembu di sudut-sudut rumahnya kerana mengharapkan keberkatan daripadanya. Lebih hairan lagi mereka sanggup menyucuk diri mereka dengan besi-besi tajam kononya untuk menghapus dosa-dosa mereka.